

**PENGURUSAN PENGETAHUAN TASIT GURU KEBITARAAN
BAHASA MELAYU DI SEKOLAH KLUSTER
KECEMERLANGAN**



UMS
LEONG KET CHU
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

**PENGURUSAN PENGETAHUAN TASIT GURU KEBITARAAN
BAHASA MELAYU DI SEKOLAH KLUSTER
KECEMERLANGAN**

LEONG KET CHU



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Doktor Falsafah ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

13 Disember 2022



LEONG KET CHU
DT1321008T



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : LEONG KET CHU
NO MATRIK : DT1321008T
TAJUK : PENGURUSAN PENGETAHUAN TASIT GURU KEBITARAAN
BAHASA MELAYU DI SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN

IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN
BIDANG : PENGURUSAN PENDIDIKAN
TARIKH VIVA: 13 DISEMBER 2022

DISAHKAN OLEH:



PENYELIA UTAMA

Prof Madya Dr Mohd. Zaki Bin Ishak

Tandatangan

PROF MADYA DR. MOHD ZAKI ISHAK
PROFESSOR MADYA
FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Universiti Malaysia Sabah kerana telah memberikan peluang untuk saya menyempurnakan pelajaran pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Tidak lupa juga rakaman terima kasih untuk Prof Madya Dr Mohd. Zaki Bin Ishak atas segala bimbingan, kesabaran, galakan dan juga teguran yang disemaikan di sepanjang tempoh penyelidikan ini.

Saya juga ingin melafazkan ribuan terima kasih kepada semua peserta kajian ini yang telah memberikan kerjasama yang erat dalam membekalkan maklumat yang diperlukan. Seterusnya sekalung ucapan terima kasih diberikan kepada ahli-ahli keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan sokongan moral yang padu. Tanpa bimbingan, sokongan dan bantuan yang dihulurkan oleh kalian, tidak mungkin saya dapat menyempurnakan penyelidikan ini. Akhir kata, mencari ilmu orang biarlah sampai ke penghujungnya.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Pengurusan pengetahuan tasit yang cekap dan berkesan dapat menyumbang kepada kualiti pendidikan. Namun begitu, kajian tempatan yang memfokuskan pengurusan pengetahuan tasit dalam bidang pendidikan kurang mendapat liputan lantaran kesukaran untuk mengenal pasti sifat pengetahuan tasit. Di sekolah, para guru kurang menyedari kelebihan pengetahuan tasit sebagai inspirasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga, guru-guru tidak memahami cara mengurus pengetahuan tasit dan seterusnya membudayakan pengurusan pengetahuan tasit sebagai amalan baik di sekolah. Untuk memenuhi lompong kajian tempatan, kajian ini direka khas untuk meneroka pengurusan pengetahuan tasit guru kebitaraan Bahasa Melayu di Sekolah Kluster Kecemerlangan. Sebanyak enam buah sekolah dipilih untuk diteliti secara terperinci dengan kajian kes fenomenologi, temu bual semi berstruktur, pemerhatian dan catatan lapangan untuk menjawab persoalan kajian. Keputusan menunjukkan pengetahuan tasit guru kebitaraan Bahasa Melayu telah mengalami proses sosialisasi dan eksternalisasi (Nonaka, 1994). Pengetahuan tasit guru Bahasa Melayu merupakan ilmu praktikal individu dalam hal mengurus subjek Bahasa Melayu. Kemahiran guru dalam Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan lebih baik berbanding dengan kemahiran dalam Pengetahuan Teknologi Pedagogi Isi Kandungan, khususnya dari segi teknik dan kaedah pembelajaran. Penggunaan alat teknologi hanya elemen tambahan untuk melengkapkan keperluan untuk Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan. Dari segi cara mengurus, kajian mendapati isi kandungan pengetahuan tasit guru disampaikan secara lisan dan kepimpinan melalui teladan; mencakupi bidang rutin guru namun tidak terikat dengan tempat atau struktur berkongsi. Manakala amalan pengurusan pengetahuan tasit kurang menonjol dan lazimnya diterajui oleh ketua panitia atau guru berpengalaman dalam subjek yang sama. Kajian ini membawa implikasi dari aspek mengurus pengetahuan tasit diri dan mengesan pengetahuan tasit orang lain; menjadikan pengetahuan tasit sebagai sumber kreativiti pengajaran dan pembelajaran; serta kualiti guru. Dari perspektif jangka panjang, perkongsian merupakan strategi proaktif untuk mengurus pengetahuan tasit dengan berkesan.

Kata Kunci : Pengurusan Pengetahuan Tasit, Guru Sekolah Menengah, Bahasa Melayu

ABSTRACT

THE MANAGEMENT OF TACIT KNOWLEDGE OF NICHE MALAY LANGUAGE TEACHERS IN CLUSTER SCHOOL OF EXCELLENCE

The efficiency and effectiveness of tacit knowledge management contribute to the quality of education. However, local studies in the education field which focus on managing tacit knowledge receive less coverage due to the difficulty in identifying the nature of tacit knowledge. In school, teachers are less aware of the advantages of tacit knowledge as an inspiration in teaching and learning. Likewise, teachers do not understand how to manage tacit knowledge and consequently cultivate the managing of tacit knowledge as a good practice in schools. Therefore, this research study is to fill the current research gap by exploring the management of tacit knowledge of the niche teachers in the Malay Language from the Cluster Schools of Excellence. A phenomenological case study is selected to explore the selected six schools with semi-structured interviews, field notes, and observations in conjunction with answering the research questions. The result showed the tacit knowledge of Malay language teachers who have experienced the process of socialization and externalization (Nonaka, 1994). The tacit knowledge of the Malay Language teacher is an individual's practical knowledge in managing the Malay Language subject. The teacher's skills in Pedagogical Content Knowledge are better than Technological Pedagogical Content Knowledge, especially in learning techniques and methods. The use of technological tools is only an additional element to fulfill the requirements for Pedagogical Content Knowledge. From the aspect of managing, the study found that the content of teachers' tacit knowledge conveyed orally and leadership through example; covers the teacher's routine but is not tied to a shared place or structure. The practice of management in tacit knowledge is less prominent and usually led by committee leaders or experienced teachers in the same subject. This study brings implications from managing own tacit knowledge and detecting others, making tacit knowledge as a source of creativity in teaching and learning, and teacher quality. From a long-term perspective, sharing is a proactive strategy to manage tacit knowledge effectively.

Keywords : Tacit Knowledge Management, Secondary School Teacher, Malay Language

ISI KANDUNGAN

	Halaman	
TAJUK	i	
PENGAKUAN	ii	
PENGESAHAN	iii	
PENGHARGAAN	iv	
ABSTRAK	v	
ABSTRACT	vi	
ISI KANDUNGAN	vii	
SENARAI JADUAL	xii	
SENARAI RAJAH	xiii	
SENARAI SINGKATAN	xv	
SENARAI LAMPIRAN	xvi	
BAB 1 : PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang Kajian	2
	1.2.1 Sekolah Kluster Kecemerlangan	2
	1.2.2 Kajian Pengetahuan Tasit Guru	4
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Tujuan, Objektif dan Persoalan Kajian	10
1.5	Kepentingan Kajian	11
1.6	Skop Kajian	13

1.7	Definisi Istilah	14
1.7.1	Pengetahuan Tasit	14
1.7.2	Pengurusan Pengetahuan Tasit	15
1.7.3	Guru	16
1.7.4	Bahasa Melayu	16
1.7.5	Sekolah Kluster Kecemerlangan	16
1.8	Rumusan	17

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	18
2.2	Penerokaan Pengetahuan Tasit	19
2.2.1	Mengetahui Tasit	19
2.2.2	Perkembangan Pengetahuan Tasit	21
2.2.3	Teori Penciptaan Ilmu Organisasi	23
2.3	Kesediaan Guru Bahasa Melayu	28
2.4	Rentetan Tasit Guru Sekolah	31
2.4.1	Tasit, Kandungan dan Pedagogi	31
2.4.2	Tasit dan Teknologi	36
2.4.3	Tasit dan Tugas Rutin	41
2.5	Perkongsian Pengetahuan Tasit	43
2.5.1	Punca Perkongsian Pengetahuan Tasit	46
2.5.2	Personaliti Pekongsi Ilmu	48
2.5.3	Bingkisan Kajian Lalu	56
2.6	Proses Pengujian Teori	60
2.7	Kerangka Konseptual	62
2.8	Rumusan	63

BAB 3 : REKA BENTUK PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan	64
-----	-------------	----

3.2	Paradigma Penyelidikan	65
3.3	Pendekatan Kualitatif	68
3.4	Metodologi (Kajian Kes Fenomenologi)	71
3.5	Metod Penyelidikan	74
	3.5.1 Temu bual Semi Berstruktur	75
	3.5.2 Pemerhatian	78
	3.5.3 Catatan	80
3.6	Prosedur Pelaksanaan	81
	3.6.1 Peserta Kajian	81
	3.6.2 Pemilihan Peserta Kajian	83
3.7	Kualiti Penyelidikan	85
	3.7.1 Saling Mempercayai	86
	3.7.2 Refleksiviti dalam Penyelidikan	91
	3.7.3 Penghabluran	93
	3.7.4 Etika Penyelidikan	95
3.8	Proses Analisis Data	97
3.9	Jadual Pelaksanaan Penyelidikan	105
3.10	Rumusan	106

BAB 4 : DATA DAN ANALISIS

4.1	Pendahuluan	107
4.2	Pengenalan Kes dan Peserta Kajian	107
	4.2.1 Persamaan dari segi Pengoperasian	109
	4.2.2 Perbezaan dari segi Pengoperasian	110
	4.2.3 Pola Hubungan Kes dan Peserta Kajian	110
4.3	Pemerihalan Data	112
	4.3.1 Uza	113
	4.3.2 Kabab	116
	4.3.3 Xini	119
	4.3.4 Yabar	124

4.3.5	Zaiton	127
4.3.6	Conman	130
4.4	Analisis Tema	133
4.4.1	Uza	133
4.4.2	Kabab	135
4.4.3	Xini	138
4.4.4	Yabar	141
4.4.5	Zaiton	144
4.4.6	Conman	147
4.5	Corak Tema Antara Kes	149
4.6	Rumusan	151


BAB 5 : PERBINCANGAN DAPATAN

5.1	Pendahuluan	152
5.2	Menjawab Persoalan Kajian	152
5.2.1	Aspek Pengalaman Tasit Guru	153
5.2.2	Jenis Pengetahuan Tasit Guru dalam Isi Kandungan, Pedagogi dan Teknologi	156
5.2.3	Cara Mengurus Pengetahuan Tasit Dalam Rutin Sekolah	165
5.2.4	Amalan Pengurusan Pengetahuan Tasit	170
5.3	Aspek Ontologi dan Epistemologi Dalam Teori Nonaka	179
5.3.1	Pengetahuan Tasit Guru	180
5.3.2	Epistemologi Pengetahuan Tasit Guru	182
5.4	Inti pati Pengetahuan Tasit	183
5.5	Kesimpulan	186

BAB 6 : CADANGAN, RUMUSAN DAN PENUTUP

6.1	Pengenalan	187
6.2	Pengurusan Pengetahuan Tasit Guru	187


6.3	Limitasi Kajian	189
6.4	Kajian Masa Depan	191
6.5	Vignet Kajian	192
6.6	Penutup	193
RUJUKAN		194
LAMPIRAN		239
GLOSARI		258



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Bilangan Artikel Mengikut Kategori dan Sumber	57
Jadual 2.2 : Skop Kajian	58
Jadual 2.3 : Pemilihan Topik Utama	58
Jadual 2.4 : Aplikasi Model atau Teori	59
Jadual 3.1 : Rangka Kerja Penghalusan Protokol Temu Bual	78
Jadual 3.2 : Metod dan Fasa	81
Jadual 3.3 : Kriteria Saling Mempercayai	90
Jadual 3.4 : Contoh Penyenaraian Kod dengan Nota Hujung	103
Jadual 3.5 : Ringkasan Cara Pelaporan Kajian Kes Fenomenologi	105
Jadual 3.6 : Jadual Pelaksanaan Penyelidikan	106
Jadual 4.1 : Ringkasan Cara Pengumpulan Data	109
Jadual 4.2 : Analisis Deskripsi data Para Peserta Kajian	112




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Teori Penciptaan Ilmu Organisasi	25
Rajah 2.2 : Konsep "BA"	26
Rajah 2.3 : Kerangka Konsep PPIK	34
Rajah 2.4 : Model PTPK	40
Rajah 2.5 : Proses Pengujian Teori	61
Rajah 2.6 : Kerangka Konseptual Kajian	63
Rajah 3.1 : Cadangan Proses Penghabluran	94
Rajah 3.2 : Carta Alir Kitaran Data	100
Rajah 3.3 : Sampel Pencarian Kod dalam Kitaran Pertama	101
Rajah 3.4 : Contoh Penulisan Memo Refleksi di tepi helaian	101
Rajah 3.5 : Contoh Penulisan Memo Refleksi dengan Pad Memo	102
Rajah 3.6 : Contoh Rujukan Buku Log	102
Rajah 3.7 : Ringkasan Pemprosesan Data	104
Rajah 4.1 : Pola Hubungan Kes dan Peserta Kajian	110
Rajah 4.2 : Pemetaan Kod di Uza	134
Rajah 4.3 : Pemetaan Kod di Kabab	136
Rajah 4.4 : Pemetaan Kod di Xini	139
Rajah 4.5 : Pemetaan Kod di Yabar	142
Rajah 4.6 : Pemetaan Kod di Zaiton	145
Rajah 4.7 : Pemetaan Kod di Conman	147
Rajah 4.8 : Corak Tema di Kabab, Zaiton dan Yabar	150
Rajah 4.9 : Corak Tema di Xini dan Conman	150
Rajah 4.10 : Corak Tema di Uza	151
Rajah 5.1 : Aspek Pengalaman Tasit Guru	153
Rajah 5.2 : Jenis Pengetahuan Tasit Guru	158
Rajah 5.3 : Cara Mengurus Pengetahuan Tasit Guru	165
Rajah 5.4 : Struktur Terancang	175
Rajah 5.5 : Struktur Bebas	176
Rajah 5.6 : Ciri Personaliti Antara Kes	177

Rajah 5.7	: Peringkat Pelibatan & Ilmu Ontologi	181
Rajah 5.8	: Inti pati Pengetahuan Tasit	183
Rajah 6.1	: Model Pengurusan Pengetahuan Tasit Guru	188




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
GKMP	Guru Kanan Mata Pelajaran
HEM	Hal Ehwal Murid
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LCD	Liquid Crystal Display
MPLF	Model Personaliti Lima Faktor
PAK-21	Pembelajaran Abad ke-21
PCG	Bantuan Geran Per Kapita
PdP	pengajaran dan pembelajaran
PdPc	pembelajaran dan pemudahcaraan
PK	Pengetahuan Isi Kandungan
PP	Pengetahuan Pedagogi
PPIK	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan
PTK	Pengetahuan Teknologi Isi Kandungan
PTP	Pengetahuan Teknologi Pedagogi
PTPK	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Isi Kandungan
SECI	sosialisasi, kombinasi, eksternalisasi dan internalisasi
SKK	Sekolah Kluster Kecemerlangan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SWOT	Strength, Weakness, Opportunity & Threat
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Jadual Matriks Protokol Temu bual	239
Lampiran B : Borang Temu Bual	241
Lampiran C : Senarai Semak Aktiviti Membaca	243
Lampiran D : Soalan Pemerhatian dan Jaminan Kajian Kepada Peserta Kajian	244
Lampiran E : Surat Persetujuan Peserta Kajian	245
Lampiran F : Surat Lantikan Sebagai Peer Debriefeer	247
Lampiran G : Contoh Penulisan Jurnal Refleksi	248
Lampiran H : Surat Permohonan Kebenaran ke Sekolah	249
Lampiran I : Contoh Transkrip Temu Bual	251
Lampiran J : Contoh Petikan Pemerhatian dan Catatan Lapangan	254
Lampiran K : Contoh Proses Analisis Data	255



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Perkembangan dalam sistem pendidikan di dunia begitu drastik dan radikal dengan kepelbagaian tuntutan ilmu pengetahuan dan pelahiran insan yang seimbang. Perkara ini menjadi halangan dan cabaran untuk para guru sentiasa bersiap siaga untuk melakukan tugas hakiki mereka sebagai seorang pendidik. Sehubungan itu, kreativiti dalam pengajaran guru yang tasit membantu dalam memastikan proses dan momentum pembelajaran yang kukuh serta dapat mengaktifkan proses kedinamikan pembelajaran akademik secara efisien dan sistematik iaitu proses memberi dan menimba ilmu pengetahuan berlaku secara aktif demi melahirkan para pelajar yang cemerlang.

Pada pendapat masyarakat, guru sekolah mempunyai pengetahuan, kepakaran dan kemahiran tersendiri dalam hal mendidik. Sebagai seorang guru dalam laluan pengajaran dan pembelajaran, guru menggabungkan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (Shulman, 1986, 1987) berserta Pengetahuan Teknologi Pedagogi Isi Kandungan (Koehler & Mishra, 2009) untuk meningkatkan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Namun kebanyakan pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki oleh mereka tidak mudah dijejaki oleh guru lain. Hal ini demikian kerana pengetahuan mereka belum dicairkan daripada minda mereka (Polanyi, 1966a). Pengurusan pengetahuan tasit yang sistematik dapat mengaspirasikan idea-idea baharu yang boleh digarap ke dalam pengajaran dan pembelajaran guru.

Pada asasnya, tugas rutin seorang guru adalah mengajar. Dalam pembelajaran abad ke-21, guru-guru berdepan dengan rencaman masalah

pembelajaran murid di dalam kelas mereka. Tugas yang dikatakan "rutin" itu tidak lagi bersifat rutin sebenarnya. Hakikat ini adalah kebenarannya apabila Zumbrun (2015) berkata bahawa kerja-kerja yang bersifat kerutinan yang terdapat dalam sesetengah pekerjaan mudah diambil alih dan akan lesap pada suatu masa kelak. Begitu juga halnya dengan sifat kerutinan yang berlaku dalam bidang pendidikan. Oleh itu, peranan guru perlu diperkasakan. Tugas rutin guru yang diketengahkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada sifat tidak rutin yang dihadapi dalam tugas rutin guru.

Berdepan dengan tuntutan-tuntutan yang dinyatakan di atas, maka inisiatif pengurusan pengetahuan tasit guru diketengahkan agar aspek-aspek tasit dapat diperoleh lalu disalurkan semula ke dalam penyampaian pembelajaran dan seterusnya melonjakkan kegemilangan institusi pendidikan.

1.2 Latar belakang Kajian

Bahagian ini penting untuk menjelaskan asal usul kajian untuk memahami konsep kajian dari titik permulaan.

1.2.1 Sekolah Kluster Kecemerlangan

Sekolah Kluster Kecemerlangan adalah satu jenama dan pengiktirafan untuk sekolah yang dikenal pasti cemerlang dalam klusternya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid. Kewujudan sekolah kluster bertujuan untuk melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam Sistem Pendidikan Malaysia dan menjadi contoh kepada sekolah-sekolah yang berada di luar kluster kecemerlangan. Idea penganugerahan status Sekolah Kluster Kecemerlangan terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) tahun 2006 untuk mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah dalam kluster kecemerlangan dengan mekanismenya dinyatakan dalam Teras Strategik Ke-6, iaitu Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan.

Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), syarat pencalonan, pemilihan, pengguguran status dan kadar baharu Peruntukan Khas SKK

telah dikaji semula (SPI, 2016a). Penjajaran semula SKK adalah untuk mempertingkatkan program Sekolah Kluster Kecemerlangan dari segi kualiti pemilihan SKK dengan mengoptimumkan peruntukan yang sedia ada bagi memastikan semua sekolah yang diiktiraf berjaya mencapai standard yang ditetapkan selaras dengan dasar laluan ke arah Sekolah Berprestasi Tinggi.

Pencalonan sekolah dilakukan berdasarkan subjek kebitaraan akademik dan kokurikulum. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah perlu menentukan sekurang-kurangnya satu subjek akademik dan satu bidang kokurikulum dengan pencapaian cemerlang dalam tiga tahun kebelakangan untuk dipertandingkan mengikut kriteria kluster. Setelah proses penilaian berperingkat, sekolah yang layak akan diberi gelaran Sekolah Kluster Kecemerlangan dengan kebitaraan yang dipilih.

Dalam kajian ini, subjek kebitaraan Bahasa Melayu dipilih kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa penyatuan bangsa dan negara yang sepatutnya dimartabatkan daripada subjek-subjek lain (Mohd. Khaidir Abdul Wahab, 2019). Daripada analisis data kementerian, didapati bilangan sekolah yang menerima pengiktirafan kebitaraan Bahasa Melayu adalah paling banyak pada peringkat awal pelaksanaan berbanding dengan subjek-subjek lain (KPPM, 2016). Sehingga tahun 2016, sebanyak 413 buah Sekolah Kluster Kecemerlangan daripada pelbagai aliran dan kategori telah dilahirkan. Dalam pada itu, sebanyak 29 buah sekolah diberi jenama kluster kebitaraan Bahasa Melayu peringkat menengah (DATA, 2018). Untuk kajian ini, sebanyak 5 daripada 13 buah di bawah Gred B telah dipilih. Kriteria pencalonan bagi sekolah kluster Gred B adalah seperti berikut:

- i. Mencapai skor 85% dalam penilaian Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM).
- ii. Mematuhi syarat minimum akademik yang ditetapkan mengikut kluster bagi tempoh tiga tahun terakhir dengan Gred Purata Sekolah (GPS) SPM tidak melebihi 4.00.
- iii. Mencapai kemenangan atau kejayaan dalam aktiviti sekolah dengan sekurang-kurangnya di peringkat negeri.

- iv. Laporan audit pengurusan sekolah adalah memuaskan bagi tempoh tiga tahun terakhir.
- v. Tiada pelanggaran punca kuasa yang mengganggu perjalanan program sekolah dan pengurusan pendidikan bagi tempoh tiga tahun yang terakhir.
- vi. Tiada sebarang kes pecah amanah atau penyelewengan kuasa atau tindakan tatatertib dilaporkan.

1.2.2 Kajian Pengetahuan Tasit Guru

Kepentingan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran seperti yang dihasratkan menerusi Pelan Pembangunan Profesionalisme Keguruan (KPM, 2016a; MAMPU, 2012); begitu juga dengan kepentingan untuk merizabkan pengetahuan tasit sebagai khazanah ilmu untuk dikongsikan jelas menunjukkan kelebihan ilmu yang dapat dikecapi, khasnya dalam konteks mengoptimumkan daya kreativiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun kajian tentang pengurusan pengetahuan tasit guru di Malaysia tidak dapat liputan meluas dalam penyelidikan yang lepas. Hal ini dapat dibuktikan dengan paparan kosong jika perkataan 'tasit' dicari menerusi enjin pencarian di laman sesawang MyJurnal terkini pada akhir tahun 2022. Hal demikian kerana kajian ilmu tasit melibatkan proses pengamatan dan penafsiran ilmu metafizik (Campbell, 2018; Frost, 2019) yang sukar difahami dari kaca mata orang awam. Justeru kajian ini dijalankan di Sekolah Kluster Kecemerlangan untuk meyakini para guru bahawa guru subjek kebitaraan Bahasa Melayu memiliki pengetahuan tasit yang tersendiri dan belum diketahui. Dengan adanya aktiviti perkongsian, pengalaman tasit guru dapat dikesan, disimpan dan dicairkan semula dalam pengajaran dan pembelajaran serta ke arah mengurus pengetahuan tasit guru yang lebih sistematik.

Dalam pendidikan formal, ramai pendidik beranggapan bahawa pengetahuan guru lebih berbentuk personal dan amalan praktikal seseorang (Kleickmann et al., 2015). Apatah lagi sebahagian besar daripada pengetahuan guru belum diterokai dan masih dalam bentuk tasit, malahan ada yang tidak menyedari akan kehadiran pengetahuan berkenaan dalam minda mereka (Berry, Friedrichsen, & Loughran, 2015; Chuang, Jackson, & Jiang, 2016; Coleman, 2014; Rahmany, Hassani, & Fattahi,

2014). Pada pandangan (Mena-Marcos & Clarke, 2015), sifat kejeleketan pengetahuan profesional guru menyebabkan pengetahuan guru tidak mudah diakses atau diujarkan secara lisan sebagai pengetahuan tasit Polanyi.

Konsep pengetahuan tasit telah dipelopori oleh Michael Polanyi pada awal 1960-an. Menurut beliau, semua jenis pengetahuan terbenam dengan sifat "tasit" (Kawamura, 2016). Oleh itu, guru tidak mampu menerangkan semua yang diketahui dan murid tidak dapat menikmati manfaat dengan sepenuhnya (Andersson & Ostman, 2015; Zhang, Long, Wang & Tang, 2015). Hal ini terjadi kerana kekangan dan kekurangan pada swadaya guru, maka dengan adanya pengurusan pengetahuan tasit guru sekolah yang teratur, nescaya dapat membantu guru mengurus pengetahuan tasit individu dan seterusnya meningkatkan keupayaan diri dalam penyampaian pembelajaran.

Para pengkaji lepas telah mengaplikasikan Teori Penciptaan Ilmu Organisasi (Nonaka, 1991, 1994; Nonaka & Takeuchi, 1995) untuk menegakkan keberkesanan pengurusan pengetahuan tasit dan meningkatkan prestasi organisasi (Farnese, Barbieri, Chirumbolo, & Patriotta, 2019; Liu, 2018; Mezghani, Exposito, & Drira, 2016; Muthuveloo, Shanmugam, & Teoh, 2017; Vongkulluksn, Xie, & Bowman, 2018). Namun kajian yang membicarakan pengetahuan tasit guru subjek Bahasa Melayu dikaitkan dengan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Isi Kandungan (PTPK) jarang diadakan. Timbul persoalan sama ada guru ada menggunakan "tasit" sendiri dalam pengajaran, tidak pernah ditimbulkan oleh pihak sekolah. Kesannya pengurusan untuk pengetahuan tasit guru subjek Bahasa Melayu tidak mendapat sambutan meriah dalam karangan penyelidik tempatan.

Garritz (2015) berpendapat bahawa perkongsian Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan jenis personal seperti pengalaman dan kepercayaan adalah lebih sukar berbanding dengan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan jenis kanonik. Namun kajian (Nurul Ashikin Yatim, Chew, & Zuraidah Abdullah, 2020) mendapati penguasaan kemahiran Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan guru Bahasa Melayu pada tahap sederhana. Hal ini amat merisaukan jika ia disebabkan oleh

ketidaksedaran akan pengetahuan tasit guru yang dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) para guru. Sesungguhnya kajian mereka dikendalikan di peringkat sekolah rendah, namun kurikulum bahasa adalah pembelajaran suatu kemahiran bahasa yang berterusan yakni memberi kesan mendalam terhadap kualiti penyampaian guru di sekolah menengah. Justeru, kajian tentang pengetahuan tasit yang terkandung dalam PPIK perlu disegerakan.

Guru menimba pengetahuan profesional melalui kemahiran khusus dan pengalaman mengajar. Chien (2016) mendapati bahawa kemahiran guru dari segi Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan meningkat apabila pengalaman mengajar bertambah manakala kemahiran dalam Pengetahuan Teknologi Pedagogi Isi Kandungan pula tidak ada hubungan signifikan dengan pengalaman mengajar. Dapatan ini sejajar dengan dapatan (Azhar Ahmad & Mohd Mahzan, 2017) yang menunjukkan bahawa penghalang utama teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah faktor peningkatan usia. Ini bermaksud guru tidak berkeupayaan untuk mengejar perubahan dan pembaharuan demi aplikasi teknologi dalam pendidikan. Namun senario lain (Hassan & Mahmood, 2019) menunjukkan faktor pengalaman mengajar telah memberi impak positif dalam menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu. Kesudahannya, penghujahan tentang pengetahuan teknologi guru digolongkan dalam pengetahuan tasit hanya dapat dibuktikan sekiranya kajian ini dijalankan.

Dalam era globalisasi ini, kajian tempatan yang mengeksposisi tentang e-pembelajaran dengan penggunaan perisian digital yang bersesuaian telah menunjukkan bahawa kesan positif dalam pembelajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah (Abdul Hameed, 2017; Mohd Aizat, 2017; Noorazura, 2017; Norfadilah, 2015; Pajuzi & Norazah, 2017). Ironinya, dapatan (Omar, Mamat, Sulaiman, & Ismail, 2018; Sofiana, 2020) di dua lokasi yang berlainan, menunjukkan perbezaan guru subjek Bahasa Melayu dari segi tahap penguasaan pengetahuan teknologi guru dengan amalan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian, kajian lokal tersebut tidak menjelaskan babak-babak pengetahuan tasit guru dalam teknologi yang boleh diurus dan dikongsikan.